



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### INISIATIF HARMONI MADANI BAWA MESEJ ASAS INTEGRASI NASIONAL: FAHAM, HORMAT DAN TERIMA

---

**KUALA LUMPUR, 27 APRIL 2024** – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memperkenalkan Inisiatif Harmoni MADANI bagi **meningkatkan kefahaman rakyat Malaysia mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam bagi memperkukuh hubungan kebersamaan dan keharmonian negara**. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di Dewan Kalamandapam, Brickfields, Kuala Lumpur, hari ini.

Pelaksanaan inisiatif ini turut mengetengahkan konsep asas integrasi nasional iaitu **FAHAM, HORMAT dan TERIMA** dalam memastikan budaya keharmonian antara masyarakat sentiasa terpelihara. Selain itu, program ini turut **membudayakan amalan meyebarkan mesej keharmonian dan muhibah** antara penganut pelbagai agama di Malaysia.

Terdahulu, YB Datuk Aaron bersama kira-kira 100 orang peserta telah menyertai **Program Jejak Harmoni Perdana** iaitu **berkonsepkan program turun padang menyantuni pemimpin agama dan penganut di rumah-rumah ibadat (masjid, tokong, gereja, kuil dan Gudwara)**. Beliau mengunjungi rumah-rumah ibadat sekitar Brickfields sebagai **simbolik kesatuan dan kebersamaan** bertujuan untuk **menyebarkan semangat toleransi, saling memahami dan kebebasan beragama ke arah pengukuhan jati diri sekaligus mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia**.

Antara rumah-rumah ibadat yang telah dilawati oleh rombongan Jejak Harmoni ialah Buddhist Maha Vihara, Gereja Tamil Methodist Kuala Lumpur, Madrasathul Gouthiyyah Surau Brickfields, Persatuan Pengurusan Tokong Sam Kow Tong, Kuil Sri Krishna dan Kuil Sri Kandaswamy, Brickfields.

YB Datuk Aaron Ago Dagang berkata, **“Meningkatkan keharmonian antara penganut agama di Malaysia merupakan salah satu agenda penting** yang telah ditetapkan dalam hala tuju KPN pada tahun ini. KPN komited untuk menjayakan inisiatif Harmoni MADANI dengan tujuan **memperkukuhkan keharmonian masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum mahupun berbeza anutan agama dan kepercayaan agar dapat hidup dalam landskap sosial yang lebih harmoni”**.

Tambah beliau lagi, dalam memastikan agenda meningkatkan keharmonian antara penganut agama dapat direalisasikan, KPN telah menggerakkan semula **Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI)** yang ditubuhkan pada 14 Ogos 2020. Jawatankuasa ini merupakan platform penting yang berfungsi untuk **mengatur strategi yang bersesuaian dan berteraskan nilai-nilai murni keagamaan demi meningkatkan kefahaman dan keharmonian mengenai pelbagai agama.**

Beliau turut mengumumkan bahawa KPN akan melaksanakan **Program Sambutan Hari Toleransi Sedunia di Negeri Melaka pada 16 November 2024.** Sambutan ini diadakan bagi meraikan sifat toleransi dan persefahaman antara kepelbagaian masyarakat di Malaysia.

Sebanyak tujuh (7) program utama telah dirancang di bawah inisiatif Harmoni MADANI iaitu Sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia (*World Interfaith Harmoni Week*), Podcast: Bicara Harmoni, Dialog Harmoni (*Interfaith Dialogue*), Jejak Harmoni, Dokumentari Harmoni, Seminar Tokoh Pelbagai Agama dan Wacana Memupuk Perpaduan Dalam Kalangan Penganut Pelbagai Agama.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

27 April 2024

---

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)